

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN HIBURAN KEKAL (PUSAT SNOOKER).

BIL	PERKARA
1.	Memastikan aktiviti atau kerja-kerja dipremis tidak mengganggu kesihatan atau mengancam keselamatan pekerja dan orang awam atau boleh mencemarkan alam sekitar.
2.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
3.	Seluruh premis hendaklah sentiasa bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu dan perkhidmatan ini hendaklah dilesenkan oleh MDKS.
4.	Seluruh premis dikawasan dalam atau luar hendaklah sentiasa bersih dan berkeadaan baik.
5.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya.
6.	Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba didalam premis.
7.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang diperlukan oleh pekerja.
8.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik atau ruang dipremis sebagai tempat tidur (penginapan),tempat makan dan tempat untuk main judi tanpa kebenaran daripada pihak MDKS.
9.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.
10.	Kegiatan penyalahgunaan premis seperti pelacuran, perjudian atau apa-apa pelakuan yang tidak senonoh dilarang.
11.	Masa operasi yang dibenarkan adalah sehinggalah jam 12.00 malam sahaja.
12.	Kanak-kanak di bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk. Jika hendak memasuki premis tersebut hendaklah bersama ibu-bapa. Mereka yang memakai pakaian seragam sekolah tidak dibenarkan masuk.(Pemilik hendaklah menampal notis ini di pintu masuk)
13.	Jarak sesuatu pusat snooker dari sekolah, institusi pendidikan, kawasan perumahan atau institusi agama mestilah tidak kurang dari 300 meter.
14.	Pintu masuk utama ke pusat snooker dan tingkap hendaklah dibuat dari bahan yang 100 % lut sinar.
15.	Mempamerkan papan tanda larangan merokok dan menjaga kebersihan. (ukuran 40 cm x 50 cm).
16.	Mengadakan pencahayaan dan pengudaraan yang sempurna di dalam premis termasuk lampu kecemasan (emergency lighting) di tangga dan di bilik tandas.
17.	Semua barang di premis hendaklah diletakkan dengan kemas, teratur dan bersih serta bebas daripada penghalangan dan serangga / rodensia / haiwan.
18.	Pihak pengurusan dikehendaki menyediakan buku rekod / pendaftaran pelanggan.
19.	Mematuhi syarat-syarat teknikal Unit Kesihatan, Unit Perancang dan Jabatan Bangunan MDKS.